

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 29 TAHUN 1974¹

PEMBAYARAN BONUS KEPADA KAKITANGAN
KERAJAAN²

Kerajaan telah memutuskan untuk membayar Bonus sebanyak sebulan gaji setahun mulai dari 1hb Januari, 1974 kepada kakitangan Kerajaan yang berkhidmat secara tetap, sementara termasuk pekerja-pekerja sambilan (casual excluding part-time workers) dan pegawai-pegawai konterek yang dilantik oleh mana-mana Suruhanjaya serta mengisi jawatan-jawatan yang ditunjukkan dalam Anggaran Belanjawan. Pembayaran Bonus ini adalah tidak berpencen dan tidak dihitung bagi perkiraan ganjaran konterek. Ianya adalah dikenakan cukai pendapatan, tetapi tidaklah tertakluk kepada potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

2. Bonus ini akan dibayar pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember. Bagi tahun ini pembayaran pertama dan kedua bolehlah dibuat sekali gus dengan pembayaran yang ketiga. Bagi pekerja-pekerja sambilan pula, Bonus ini bolehlah dibayar pada tarikh-tarikh yang disebutkan di atas atau ketika pekerja-pekerja itu berhenti atau ditamatkan perkhidmatan mereka mengikut mana yang lebih awal. Terdapat juga kemungkinan seseorang pekerja sambilan pernah berkhidmat di Jabatan-jabatan yang lain dari Jabatannya sekarang sebelum daripada tarikh ini. Dalam hal yang demikian bayaran Bonus bagi jangka waktu apabila pegawai yang berkenaan berkhidmat di Jabatan yang lain tersebut, hendaklah dibuat oleh Jabatan yang berkenaan.

3. Perkiraan gaji bagi bayaran Bonus ini hendaklah berdasarkan kepada 1/12 daripada gaji bersih tiap-tiap bulan (1/12 of each month's salary). Elaun-elaun yang dibayar, selain daripada gaji bersih, tidak termasuk dalam perkiraan Bonus. Bagi pekerja-pekerja yang tidak memilih tanggagaji bersih Bonus yang akan dibayar adalah berasaskan kepada gaji pokok dan Elaun Sara Hidup (COLA) sahaja. Walau bagaimanapun, Elaun Memangku dan Elaun Tanggung Kerja hendaklah diambil kira dalam menentukan pembayaran Bonus.

4. Bonus ini boleh juga dibayar kepada pekerja-pekerja yang telah meninggal dunia, bersara atau berhenti kerja pada atau selepas 1hb Januari, 1974 kecuali pekerja-pekerja yang telah berhenti atas alasan tatatertib atau oleh sebab dihukum salah oleh Mahkamah Jenayah. Bonus ini boleh dibayar daripada 1hb Januari, 1974 hingga tarikh pekerja-pekerja itu bersara atau berhenti kerja. Berkenaan dengan pekerja-pekerja yang telah meninggal dunia Bonus dari 1hb Januari, 1974 hingga tarikh pekerja-pekerja ini meninggal dunia bolehlah dibayar kepada waris mereka.

5. Pembayaran Bonus hendaklah ditanggungkan kepada vot dari mana gaji pekerja-pekerja dibayar. Bagi Jabatan Persekutuan, bayaran Bonus hendaklah dikenakan di bawah Pecahan-kepala 1100 di bawah butiran lanjut (1141) Bonus. Bagi Jabatan Negeri Pecahan-kepala Bonus itu akan ditetapkan oleh Pegawai Kewangan/Pihak Penguasa Kewangan Negeri yang berkenaan. Jika gaji kepada kakitangan itu dibayar dari Akaun Amanah maka Bonus yang hendak dibayar itu hendaklah dibuat dari Akaun Amanah yang sama.

6. Pembayaran Bonus ini hendaklah dibayar daripada peruntukan yang sedia ada, tetapi jika mana-mana Jabatan yang tidak mempunyai peruntukan atau peruntukan tidak cukup, mereka bolehlah terus membuat pembayaran dan meminta peruntukan itu kemudiannya daripada Perbendaharaan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, permohonan untuk tambahan peruntukan itu hendaklah dibuat dengan segera supaya dapat diselesaikan dalam tahun ini.

7. Sekiranya ada apa-apa kesulitan berhubung dengan perkara ini Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan hendaklah merujukannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

DATO' ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.
18hb September, 1974

CATATAN:

- ¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77 mulai 31hb Mac, 1977.
- ² Sila rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1975 bertarikh 17hb November, 1975.